

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keberkesanan tindakan atau langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bahawa Pendatang Tanpa Izin (PATI) ini tidak bermasyarakat menjadi peniaga-peniaga haram, terutamanya di pasar-pasar, kedai-kedai dan gerai makanan yang mendatangkan gejala dan masalah sosioekonomi terhadap warga tempatan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) amat peka terhadap isu banjir dan monopoli peniaga warga asing terutamanya di pasar dan tapak perniagaan yang mendatangkan gejala dan masalah sosio ekonomi terhadap warga tempatan. Jawatankuasa Induk Penguatkuasaan Pendatang Tanpa Izin yang turut diwakili oleh KPKT telah ditubuhkan oleh Jemaah Menteri pada 29 Mac 2019 dan dianggotai oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi memantau kegiatan perniagaan warga asing. Beberapa tindakan telah diambil oleh KPKT seperti berikut:

- a) Mengeluarkan surat kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 7 Ogos 2019, supaya PBT meningkatkan operasi penguatkuasaan bersepadu bersama Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi yang berkaitan bagi tujuan mengekang aktiviti perniagaan di pasar borong yang dimonopoli oleh warga asing.
- b) Mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 30 Jun 2008. Pekeliling ini menyatakan aspek kawalan dan penguatkuasaan yang perlu dipatuhi oleh peniaga yang ingin memohon lesen perniagaan daripada PBT iaitu:
 - (i) Pengeluaran permit perniagaan kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;
 - (ii) Pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga pada sepanjang masa;

- (iii) Tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing; dan
- (iv) PBT boleh menyita serta merampas barang jualan serta merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada tindakan KPKT di atas, PBT juga boleh mengambil tindakan susulan terhadap individu yang didapati menjual serta menyewa lesen perniagaan kepada warga asing seperti berikut:

- a) Mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Undang-undang Kecil Bayaran Lesen, 1980 bagi kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan termasuk pembatalan lesen perniagaan;
- b) Menjalankan tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama Jabatan Imigresen Negeri dan Jabatan / Agensi Penguatkuasaan seperti Jabatan Kesihatan Negeri di kawasan-kawasan *hotspot* yang dikenal pasti sebagai kawasan perniagaan yang dijalankan oleh warga asing;
- c) Menguatkuasakan syarat-syarat pelesenan berkaitan warga asing kepada semua pemilik perniagaan yang dikeluarkan lesen perniagaan iaitu;
 - (i) Lesen perniagaan yang dikeluarkan tidak boleh diserahkan, dijual, disewa, dipajak kecil (dialibabakan) kepada warganegara asing tanpa kelulusan;
 - (ii) Menjalankan operasi sitaan barang niaga perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing di bawah Akta

Kerajaan Tempatan 1976 jika terdapat isu kacau ganggu;

- (iii) Tidak membenarkan pekerja warga asing bekerja sebagai pembantu di premis perniagaan melebihi 70 peratus daripada jumlah pekerja. Selain itu, PBT juga melarang pengambilan pekerja atau pembantu warga asing untuk membantu penjaja menjalankan aktiviti penjajaan;
- (iv) Mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah di atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen;
- (v) Menguatkuasakan larangan menggaji / mengupah warga asing yang tiada permit / Visa kerja yang sah; dan
- (vi) Memastikan premis perniagaan perlu mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus warganegara tempatan sepanjang masa operasi perniagaan

STATUS TINDAKAN PENGUATKUASAAN BERSEPADU PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) KE ATAS PENIAGA WARGA ASING

1. Jabatan Kerajaan Tempatan telah menghantar surat bertarikh 15 April 2019 kepada kesemua 155 buah PBT untuk mendapatkan maklumat penguatkuasaan PBT terhadap peniaga warga asing.

2. Sehingga 10 Mei 2019, sebanyak 75 buah PBT telah memberikan maklumat. Daripada statistik yang diperolehi, dalam tempoh Januari hingga April 2019, bilangan operasi penguatkuasaan oleh PBT ialah 589, manakala bilangan operasi penguatkuasaan bersepadu ialah 487. Kebanyakan operasi bersepadu dijalankan oleh PBT bersama dengan Kementerian/Jabatan seperti berikut:

NO SOALAN : 470

- i) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
- ii) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
- iii) Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM)
- iv) Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- v) Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

3. Antara tindakan penguatkuasaan yang telah dibuat ialah pengeluaran kompaun, tangkapan, tindakan penyitaan dan juga pembatalan lesen perniagaan.

4. Perincian bilangan operasi penguatkuasaan oleh PBT dan juga operasi penguatkuasaan bersepadu mengikut negeri bagi tempoh Januari hingga Mei 2019 adalah seperti berikut :

Negeri	Bilangan Operasi Penguatkuasaan oleh PBT	Bilangan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu
Johor	166	28
Kedah	39	7
Kelantan	38	2
Melaka	10	10
Negeri Sembilan	2	4
Pahang	34	22
Perak	26	10
Perlis	3	1
Pulau Pinang	14	30
Selangor	211	18
Terengganu	13	1
Wilayah Persekutuan	0	347
Sarawak	13	5

Negeri	Bilangan Operasi Penguatkuasaan oleh PBT	Bilangan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu
Sabah	20	2
Jumlah	589	487
Jumlah Keseluruhan	1,076	

5. Lokasi penguatkuasaan dijalankan di pasar borong, kedai runcit, pasar malam, pasar pagi, premis makanan, pusat hiburan, premis cuci kereta, pusat refleksologi, bistro dan juga penjaja kaki lima tanpa lesen.

6. PBT juga mengeluarkan lesen perniagaan kepada individu/syarikat yang memiliki pendaftaran perniagaan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Walau bagaimanapun, lesen tersebut tidak dibenarkan disewa kepada warga asing.

7. KPKT juga telah mengeluarkan Pekeliling KSU KPKT Bil 3/2008 mengenai Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pekeliling ini menggariskan bahawa permit perniagaan kecil hendaklah dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja dan pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga sepanjang masa.

Sekian, terima kasih.